



PROF. DR. ABDUL SHUKOR HUSIN

USIM gabungkan ilmu konvensional dan Islamik

Oleh ZUARIDA MOHYIN >> Gambar FAIZAL ABU HASSAN

SEBELUM ini ramai beranggapan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) setaraf dengan kolej-kolej lain hanya kerana mempunyai awalan kolej universiti. Kini pertukaran namanya kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) secara rasmi bermula 1 Februari lalu melenyapkan persepsi-persepsi yang mengelirukan pelbagai pihak sama ada dari dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin menegaskan, sungguhpun dengan penggunaan nama kolej universiti selama lebih enam tahun namun pengajian yang ditawarkan adalah setaraf dengan yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang kerana KUIM adalah IPTA yang ke-12 di negara ini.

“Dari segi pengajian tidak ada bezanya sebelum atau selepas ditukar nama. Sebabnya, universiti ini menawarkan variasi pengajian dari peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (Ph.D).”

“Pertukaran nama ini juga diharap bukan sahaja menghilangkan kekeliruan tetapi turut memberi cabaran kepada pihak pentadbiran, pensyarah dan pelajar yang tanggungjawab mereka akan lebih berat,” kata beliau kepada **MEGA**, baru-baru ini.

Menjelaskan pemilihan nama USIM, kata Abdul Shukor, ia bukan bererti program sains yang lain tidak Islam atau ada sains yang lain dan ada sains yang tidak Islam.

Kata beliau, sebenarnya, sains di sini bermaksud ilmu bukannya bermakna bidang sains tulen sahaja.

Itulah yang perlu ditekan dan difahami umum. Penubuhan USIM pada awal dahulu adalah untuk membawa satu definisi baru atau anjakan baru kepada pengajian Islam ini.

Sebelum ini, katanya, ramai beranggapan bahawa pengajian Islam hanya meliputi usuluddin, fikah, tasauf dan sebagainya.

Hakikatnya, yang dikatakan ilmu Islam itu merangkumi semua bidang ilmu termasuk sains, perubatan, astronomi, matematik, teknologi maklumat (IT) dan banyak lagi.

“USIM akan memberi tumpuan kepada perkembangan ilmu-ilmu ini secara menyeluruh dan bersepadu,” tambahnya.

Malah USIM tidak sahaja menawar-

kan bidang tradisional Islam semata-mata tetapi menggabungkannya dengan ilmu-ilmu yang lain.

“Contohnya pelajar syariah, mereka tidak hanya mempelajari apa yang berkaitan dengan syariah sahaja tetapi mereka mempelajari bidang pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bidang yang diambil, mestilah menguasai bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pasaran,” kata beliau.

USIM juga menawarkan bidang-bidang profesional seperti perubatan, pergigian, sains dan teknologi, undang-undang, kaunseling dan lain-lain tetapi semua bidang ini dikaitkan dengan Islam. Ia merupakan gabungan ilmu konvensional dengan ilmu Islam.

Konvensional

Yang pastinya, USIM mahu melahirkan insan yang disebutkan ‘3 dalam 1’ atau ‘2 dalam 1’. Ini bererti, apabila mereka tamat pengajian, graduan USIM mampu menguasai sama ada bidang konvensional dan Islamik sebagaimana yang dikehendaki dalam pembangunan modal insan.

Menurut Abdul Shukor, USIM kini mempunyai lapan fakulti dan 18 program tidak termasuk ijazah lanjutan, ijazah sarjana dan PhD.

USIM juga mempunyai pusat-pusat kecemerlangan seperti Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) dan yang terkini, pusat pengurusan harta dan kewangan dan pusat kaunseling keluarga dan kanak-kanak.

“USIM telah menawarkan pengajian yang berteraskan Islam secara menyeluruh. Sebab itulah penggunaan nama USIM itu bertepatan dengan matlamat, program dan *output* yang dikehendaki,” kata Abdul Shukor.

Beliau berharap pertukaran nama ini akan disambut positif, kerja keras, rasa tanggungjawab dan bekerja sebagai satu pasukan dari warga USIM supaya ia benar-benar menepati apa yang dirancang.

Mengenai program Khas Pendidikan Bersama Rakyat di Tanah Merah, Kelantan pada 15 dan 16 Mac lalu, Abdul Shukor berkata, semua lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), diploma



DARI kiri; Datuk Ismail Hassan, Ketua Eksekutif Kumpulan Redland, Sapora Sipon, Datuk Mustapa Mohamed, Prof. Dr. Shukor Hussin dan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan IPTA, Datuk Mohd. Yusof Kasim pada pelancaran program Khas Pendidikan Rakyat di Tanah Merah, Kelantan, baru-baru ini.

2006, ibu bapa, pengetua, guru dan semua warga pendidikan berpeluang berjumpa terus dengan pihak IPTA, dan IPTS.

Ia termasuk politeknik, Kolej Komuniti, LAN, PTPTN yang turun padang memberi penjelasan kepada semua pengunjung tentang peluang memasuki IPT dan lain-lain syarat yang diperlukan.

Kata Abdul Shukor, USIM yang bekerjasama dengan pihak penganjur, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia membawa para pensyarah dan pelajar supaya pengunjung program benar-benar memahami pemilihan bidang yang bersesuaian dengan keputusan, minat dan pasaran kerja pada masa akan datang.

“Kita tidak mahu lagi ibu bapa menentukan sepenuhnya bidang pengajian anak-anak mereka. Apa yang kita mahukan, pelajar atau kaunselor sekolah itu sendiri memahami dan memilihnya berdasarkan kelulusan dan minatnya.

“Selain memberi penerangan tentang pemilihan bidang pengajian, pelajar

USIM turut berperanan memberi penjelasan tentang kemudahan yang disediakan di IPT dan budaya pembelajaran di IPT.

“Harapan saya, menerusi program ini tidak timbul lagi kekeliruan dan masalah membuat pilihan. Ibu bapa juga tidak lagi memfokuskan kepada bidang-bidang pengajian yang popular sahaja.

“Yang penting, bidang yang dipilih itu mesti disertakan minat dan bukan kerana ikutan teman-teman atau orang lain,” ujar Abdul Shukor lagi.

Pada tahun ini USIM juga berperanan mengisi beberapa program kemerdekaan sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan Malaysia.

“Program-program yang disediakan itu akan memberi kesedaran untuk menghargai mereka yang berjasa kepada kemerdekaan negara agar tempoh 50 tahun kemerdekaan akan menjadikan rakyat yang lebih bertanggungjawab.

“Program-program itu adalah di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi,” kata Abdul Shukor.